

PM BIDAS KESATUAN

SEKERJA

SIKAP PEMIMPIN

16 APR 1992

MELAKA 15 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad membidas sikap sesetengah pemimpin kesatuan sekerja yang cuba mendesak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) supaya menyingkirkan Malaysia dari menganggotai pertubuhan itu.

Perdana Menteri mempersoalkan apakah jenis pemimpin kesatuan sekerja itu yang sanggup berbuat begitu kepada negara sendiri sehingga ada mereka yang cuba mendesak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) supaya menyingkir Malaysia daripada pertubuhan itu.

"Kerana mereka nak

\$120,000, negara sendiri hendak disingkir daripada pertubuhan itu. Inilah jenis manusia yang menjbdi pemimpin kesatuan sekerja.

Peluang

"Mereka tidak pernah berusaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan, tetapi apabila kerajaan berusaha dan berjaya mewujudkan peluang kerja, maka yang mereka lihat peluang mereka untuk meraih kehidupan yang lebih," tegas beliau semasa berucap merasmikan pembukaan Bangunan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB), Graha Makmur dekat Air Keruh di sini petang ini.

Baru-baru ini timbul isu mengenai tindakan beberapa buah kesatuan sekerja tempatan yang dikatakan telah cuba mendesak ILO supaya menggantungkan Malaysia dari mengambil bahagian dalam persidangan ILO.

Persekutuan Pekerja Logam

Antarabangsa (IMF) yang merupakan petubuhan buruh yang paling berpengaruh di Eropah dikatakan akan membuat syor supaya Malaysia digantung dari mengambil bahagian dalam persidangan ILO itu nanti.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menarik perhatian, pekerja-pekerja di negara ini tidak mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah mereka (pemimpin kesatuan sekerja) itu.

Beliau berkata, ada orang-orang yang menghasut pekerja di negara ini kononnya mereka perlu mempunyai satu kesatuan sekerja dan mogok.

"Pekerja harus ingat orang yang menghasut mereka yang berlagak sebagai pemimpin pekerja ini tidak pernah sama sekali berusaha untuk mewujudkan peluang kerja bagi pekerja," katanya.

Tetapi, katanya, apabila st-

LIHAT MUKA 2

PM BIDAS SIKAP
PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA

11 APR 1992

dah ramai **pekerja**, mereka **begitu** berminat untuk menjadi pemimpin kesatuan sekerja.

Katanya, **betapa** tidak, dalam kilang elektronik sahaja terdapat 120,000 orang **pekerja** dan sekiranya **dapat** ditubuhkan satu **kesatuan sekerja sebesar** itu dan **setiap ahli** membayar yuran \$1 sebulan, yang jadi pemimpin kesatuan itu dapat menggunakan \$120,000 untuk **pelbagai** tujuan.

Dr. Mahathir mengingatkan **para** pekerja, selagi iklim pelaburan baik, selagi itu peluang pekerjaan akan bertambah yang sekali gus dapat menaikkan **upah** pekerja.

Ini berlaku, katanya, bila peluang **pekerjaan** melebihi bilangan pekerja.

Katanya, **kerajaan** sentiasa **menghantar** rombongan dagang ke **luar** negara untuk mencari pelabur untuk melabur ke negara **ini** yang akan menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat negara **ini**.

Perdana Menteri menarik perhatian, **banyak** negara membangun kagum dengan pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh negara **ini** yang mempunyai **penduduk** yang berbilang kaum.

Katanya, mereka **ingin belajar** jenis sistem yang digunakan oleh negara **ini** sehingga dapat maju dan membangun berbanding dengan negara-negara lain **yang mempunyai** sifat penduduk seperti Malaysia.

Dalam **hal ini**, beliau **memberi** contoh **tentang** Yugoslavia dan Soviet Union yang **kini berpecah-belah** dan berada dalam keadaan kacau bilau.

Menurut Perdana Menteri, mengikut laporan Bank Dunia **baru-baru ini**, Malaysia mempunyai pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi dalam dunia dan tertinggi sekali dalam ASEAN.

Katanya, oleh kerana **ASEAN** merupakan kawasan membangun yang terpesat sekali dalam dunia, **ini** bermakna negara yang dapat mencapai pembangunan yang tertinggi sekali 'dalam **ASEAN** juga tertinggi sekali dalam dunia.

Katanya, kalau mengikut tafsiran **Bangsa-Bangsa Bersatu** pula, negara **ini** tidak **langsung** mempunyai pengangguran kerana pertumbuhan itu mengura negara yang mempunyai kadar **pengangguran** sebanyak **peratus** bennakna negara itu tidak mempunyai pengangguran langsung.

Dr. Mahathir berkata, kalau dibanding dahulu dan sekarang, negara **ini** telah jauh maju dan membangun.

Perdana Menteri berkata, rakyat **mungkin** menganggap **perasmian** Bangunan Graha Makmur **ini** sebagai satu perkara **biasa**, tetapi kalau **dilihat** di sesetengah negara membangun lain, perasmian **begini** diadakan **begitu** jarang sekali.